

## THE Impact Rankings 2021: SDG 5 Gender Equality UNIMAS Unggul di Kedudukan 28 Dunia

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**PENGARAH :**  
PROF DR TARMUJI MASRON

**TIMBALAN PENGARAH :**  
PROF MADYA DR LEE NUNG KION  
DR SHARIZAL HASHIM

**PENOLONG PENDAFTAR KANAN :**  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :**  
GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI

**PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :**  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**SETIAUSAHA PEJABAT :**  
NUR AISHAH JORI

**PEMBANTU TADBIR KANAN :**  
NORISA MOHAMAD SAHARI

**PEMBANTU TADBIR :**  
SITI AFIZAH JAMIL

**PEMBANTU OPERASI :**  
ROZAIMI ANIS



**Kota Samarahan :** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) unggul di kedudukan 28 terbaik dunia bagi SDG 5 Gender Equality dalam penarafan terbaharu THE Impact Rankings 2021. Keputusan ini diumumkan oleh pihak Times Higher Education (THE) yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 22 April 2021.

THE Impact Rankings mengukur sejauh mana kejayaan sesebuah universiti dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Sustainable Development Goals).

Proses penilaian dan pengukuran menggunakan petunjuk prestasi yang dikalibrasi secara teliti untuk memberikan perbandingan yang komprehensif dan seimbang secara khusus dalam empat bidang iaitu *research, stewardship, outreach and teaching*.

UNIMAS turut berada dalam kedudukan 200 terbaik dunia bagi enam SDG lain iaitu SDG1 No Poverty; SDG2 Zero Hunger; SDG4 Quality Education;

SDG13 Climate Action; SDG14 Life Below Water dan SDG 15 Life On Land. Dalam penarafan tahun 2021, UNIMAS telah mengemukakan kesemua data dan bahan bukti bagi 17 SDG untuk penilaian dan pemarkahan oleh pihak THE.

Bagi SDG17 Partnership for the Goals yang merupakan SDG wajib, UNIMAS telah diiktiraf berada di kedudukan 401+ dunia. Kriteria pemarkahan bagi SDG17 merangkumi perkongsian penyelidikan, hubungan untuk menyokong tujuan, penerbitan laporan SDG dan pendidikan untuk SDG.

Di kalangan Universiti Awam (UA), UNIMAS berada pada kedudukan ketujuh terbaik di Malaysia dalam penarafan THE Impact Rankings 2021 selepas USM, UM, UTM, UiTM, UPM dan UKM dengan markah keseluruhan diperolehi sebanyak 66.3-70.9.

Kejayaan UNIMAS ini amat signifikan hasil usaha padu seluruh warga khususnya pihak fakulti, institut dan PTJ yang terlibat dalam mengemukakan bahan bukti yang diperlukan. SYABAS dan TAHNIAH diucapkan.

## Bengkel Dalam SQRC: Rankings & Ratings

**Kota Samarahan :** Unit Penarafan & Sistem Pengurusan Maklumat SQRC telah mengambil inisiatif mengadakan Bengkel *Rankings & Ratings* di peringkat dalam SQRC. Ia dijalankan pada 12 April 2021 di Bilik Mesyuarat SQRC.

Bengkel ini diadakan secara khusus untuk mempertingkatkan kompetensi staf dalam SQRC yang berurusan

dengan pengumpulan dan penyelarasan data-data Universiti bagi tujuan penarafan samada di peringkat nasional mahupun global.

Fasilitator bengkel terdiri daripada Prof Madya Dr Lee Nung Kion (Timb Pengarah - Strategi), Pn Dayang Mazina Awang Batu (Pen Pendaftar Kanan) dan En Mohd Hairulnizam (Pen Peg Sistem Maklumat Kanan).



Staf SQRC mengikuti Bengkel *Rankings & Ratings*

## Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti

**Kota Samarahan :** Mesyuarat Ketua Strategi (MKS) Fakulti Bil.01/2021 Ke-04 telah berlangsung secara atas talian menerusi platform *webex* pada 21 April 2021.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pegarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron dan dihadiri kesemua 10 Ketua Strategi Fakulti. Turut serta ialah Timbalan Pengarah (Strategi) SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion selain Pn Dayang Mazina Awang Batu dan

Sdr Gustinata Basuan selaku Urusetia Mesyuarat.

Mesyuarat kali ini disertai buat pertama kali oleh dua Ketua Strategi yang baharu dilantik iaitu Dr Mohd Kamal Othman (FSKPM) dan Dr Abdul Rahman Kram (FK).

MKS ialah platform rasmi bagi Ketua Strategi Fakulti membentangkan laporan, isu dan cadangan berkaitan strategi, kualiti, kedudukan dan penarafan di fakulti.




Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti Bil.01/2021 Ke-4

## SPeED salur Data Pelajar lebih awal ke MyMoheS KPT

**Kota Samarahan :** Satu taklimat penyelarasan bagi penyediaan dan penghantaran data MyMoheS - Modul Pelajar telah diadakan oleh SQRC pada 28 April 2021 melalui aplikasi Zoom. Ia disertai oleh pemilik data dari BPPs, PPs, UG dan pembangun sistem iaitu CITDS.

Taklimat ini adalah susulan surat edaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT bertarikh 13 April 2021 yang memaklumkan bahawa penghantaran data pelajar bagi tahun 2021 ke Sistem MyMoheS KPT adalah berdasarkan *cut-off date* 30 April 2021.



Taklimat Data Pelajar MyMoheS

Penyaluran data lebih awal dari rutin menerusi SPeED UNIMAS ke MyMoheS KPT ini adalah bagi membolehkan Kementerian Kewangan mengumpul data-data pelajar bagi tujuan pemberian bantuan pelajar menerusi platform *e-Tunai* bermula 1 Jun 2021.

## Kunjungan Timbalan Pendaftar Bahagian Integriti

**Kota Samarahan :** Timbalan Pendaftar, Bahagian Integriti, Dr Nasriman Abdul Rahman telah mengadakan pertemuan dengan Pengarah SQRC pada 23 April 2021. Antara agenda pertemuan adalah perbincangan berkaitan *Corruption Risk Management*. Turut serta ialah Pn Salmiah Nahrawi, PPT Bahagian Integriti.





## Sesi Libat Sama UG & USC - THE Impact Rankings


**Kota Samarahan :** Pihak SQRC bersama-sama UNIMAS Global (UG) dan Pusat Kelestarian Komuniti (USC) telah mengadakan satu sesi libat sama pada 28 April 2021.

Ia secara khusus bagi membincangkan dan menganalisa keputusan THE Impact Rankings yang telah

diumumkan baru-baru ini.

Hasil rumusan analisa berkaitan kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan akan dibentangkan kepada pengurusan Universiti dalam waktu terdekat.


Hadir pada sesi ini ialah Pengarah SQRC, Prof Dr Tamiji Masron, Pengarah UG, Prof Madya Dr Shanti Faridah Salleh, Pengarah USC, Pn Nora-ziah Abdul Wahab dan Penolong Pendaftar Kanan SQRC, Pn Dayang Mazina Awang Batu.



## Bengkel Semakan Dokumen ISMS

**Kota Samarahan :** Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 yang dianggotai oleh para pegawai CITDS dan BPPs telah mengikuti Bengkel Semakan Dokumen ISMS yang dijalankan pada 4-5 Mei 2021 secara atas talian melalui aplikasi cisco webex.

SQRC adalah merupakan Urusetia JK ISMS. Antara dokumen yang telah berjaya disemak semula ialah P1-001 Panduan Pengurusan Keselamatan Sistem Maklumat; P1-005 Prosedur Kawalan Dokumen ISMS; P2-004 Prosedur Kawalan Keselamatan Log-on; dan P1-010 Statement of Applicability (SoA).



*TAHNNIAH...!!  
Pn Dayang Mazina Awang Batu*



*atas pelantikan sebagai  
Setiausaha Agung  
Persatuan Pengurus UNIMAS*



# Kalendar Aktiviti



## April 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Tazkiran Awal Ramadan	Dalaman SQRC	9/4/2021
2	Bengkel <i>Ranking &amp; Rating</i>	Dalaman SQRC	12/4/2021
3	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.01/2021 Ke-4	21/4/2021
4	Proses Data MyMOHES	Modul Pelajar COD 30.4.2021	30/4/2021
5	Taklimat Data MyMoheS (Data Owner & System Developer)	Taklimat Penyediaan Data Modul Pelajar cod 30.04.21	28/4/2021

## Mei 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Bengkel Pengemaskinian Dokumen ISMS	JK ISMS	4-5/5/2021
2	Pelaporan Status ANC & Sumbangsaan MDeKan	PTj	18/5/2021
3	Pelaporan Status KPI ke SPeeD	KPI Owner	21/5/2021
4	Penghantaran Data MyMOHES	Modul Pelajar COD 30.4.2021	21/5/2021
5	Pelaksanaan Pembangunan Analitik Data di IPTA	Sesi Perkongsian oleh UKM	20/5/2021
6	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2021 Ke-21	25/5/2021
7	Laporan Berkala Pengurusan Risiko PTj	Penghantaran Laporan oleh PTj	28/5/2021



Aras 3, Canselori  
<http://www.sqrc.unimas.my/>

Sekilas Info | Edisi Ke-5 | 16 Mei 2021 | Bil.40